

Seks sejenis catat kes paling tinggi

Berita Harian (30/11/2019) M520

Pengamal berusia awal 20-an rekod 57 peratus daripada 3,293 kes pada 2018

Oleh Halina Mohd Noor dan Mahani Ishak
news@bh.com.my

Putrajaya: Pengamal seks sejenis (MSM) berusia awal 20-an mencatatkan kes HIV/Aids positif paling tinggi berbanding pengguna dadah menerusi jarum suntikan seperti yang dicatatkan sebelum ini.

Keadaan ini membimbangkan kerana masing-masing berada pada usia produktif sama ada sedang melanjutkan pelajaran mahupun memulakan dunia pekerjaan.

Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian kesihatan mendapati, golongan MSM menyumbang 57 peratus daripada 3,293 kes pada 2018. Jumlah meningkat berbanding 51 peratus daripada 3,032 kes pada 2017.

Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit Pencegahan HIV/STI dan Kolaborasi, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan (KKM), Dr Mohd Nasir Abdul Aziz berkata, kadar jangkitan menerusi hubungan heteroseksual atau berlainan jantina menurun 1,334 kes (40 peratus) pada

2017 kepada 37 peratus pada 2018. Katanya, jangkitan disebabkan penggunaan jarum suntikan dalam kalangan pengguna dadah dan akibat pemindahan darah atau organ, kemalangan terucuk jarum pula tiga peratus.

Katanya, jumlah jangkitan menerusi hubungan heteroseksual atau berlainan jantina menurun 1,334 kes (40 peratus) pada 2017 kepada 37 peratus pada 2018. Statistik 2018 mendapati, 1,479 individu berusia 20 sehingga 29 tahun dijangkiti HIV/Aids.

"Ini diikuti kumpulan berusia 30 sehingga 39, berjumlah 1,045 kes. Peningkatan ini berikutan aktiviti MSM atau seks bebas selain sering bertukar pasangan.

"Sejak lima tahun lalu, punca jangkitan HIV/Aids disebabkan hubungan seks luar tabii terutama MSM dan seks rambang," katanya.

Katanya, beliau adalah golongan majoriti dijangkiti HIV, mereka mewakili 77 peratus daripada keseluruhan jangkitan dengan 88 peratus penghidap adalah lelaki.

"Sejak 1986 sehingga 2018, sejumlah 118,883 kes jangkitan HIV dilaporkan, daripada jumlah itu 25,925 kes Aids dan 43,843 kematian disebabkan HIV/Aids dicatatkan.

"Keadaan lebih membimbangkan, apabila 87,041 individu yang hidup dengan HIV (ODHA), hanya 47.5 peratus saja atau 41,430 orang saja tampil mendapatkan rawatan," katanya.

Dr Mohd Nasir berkata, walaupun tiada data punca ODHA



Mohd Nasir Abdul Aziz

tidak mendapatkan rawatan, secara dasarnya kebanyakan mereka takut akan stigma masyarakat dan tidak mahu orang lain mengetahui kesihatan status mereka.

"Ini antara cabaran KKM kerana mereka yang menerima rawatan HIV/Aids sekitar 55 peratus, angka ini masih rendah berbanding matlamat 90 peratus.

"Perlu diberi perhatian serius kerana golongan ini berisiko menjangkitkan orang lain sekiranya tidak mengambil langkah pencegahan terbaik," katanya.

Bagaimanapun, katanya, KKM berjaya mengurangkan jangkitan HIV/Aids daripada 28.5 jangkitan bagi setiap 100,000 penduduk pada 2002 kepada 10.0 jangkitan bagi setiap 100,000 penduduk pada 2018, jumlah itu mencatatkan penurunan 65 peratus.

Justeru sebagai langkah pencegahan, KKM bekerjasama dengan empat populasi kunci iaitu dalam kalangan kumpulan berisiko dijangkiti seperti lelaki homoseksual, transgender, pekerja seks dan pengguna dadah.

Ini termasuk mengadakan perbincangan dengan kumpulan secara kerap, malah diwujudkan Jawatankuasa Mekanisme Penyelidikan Negara (CCM) yang me-

numpukan kepada HIV/Aids.

Setiap dua atau tiga tahun, kajian Integrated Bio Behavioural (IBBS), memberi tumpuan kepada golongan sasaran yang berkaitan tabiat seks dan bagaimana mereka dijangkiti.

"Tiga tahun lalu, KKM menubuhkan Klinik keluarga Penyakit Jangkitan Seksual (STI), membabitkan 23 daripada 1,000 klinik kesihatan.

"Inisiatif bertujuan melatih pakar dan kakitangannya supaya menerima seadanya populasi kunci ini. Usaha bagi mengelak stigma atau diskriminasi terhadap ODHA, supaya mereka selesa datang mendapatkan rawatan. Jumlah kedatangan melonjak daripada 2,000 pada 2015 kepada 12,000 pada 2018," katanya.

Katanya kebanyakan datan mendapatkan ujian saringan dan rawatan menerusi badan bukar kerajaan (NGO). Beliau berkata setiap tahun dana diperuntukkan kepada NGO dan organisasi berasaskan komuniti bagi meningkatkan kesedaran pentingnya jalinan ujian saringan kesihatan.

Sejumlah RM7 juta diperuntukkan untuk aktiviti berkaitan pencegahan dan kesedaran. Bertepatan 'Komuniti Membawa Perubahan', sambutan Hari Aids Sedunia 2019 peringkat kebangsaan diadakan pada 1 Disember ini di Kinta River Walk, Ipoh, Perak.

Tema dipilih sebagai mengahgailkan semua golongan dalam usaha memerangi wabak HIV/Aids di negara ini.

Jangkitan HIV mengikut kumpulan usia pada 2018

1 %	<13
2 %	13-19
34 %	20-29
41 %	30-39
17 %	40-49
5 %	> atau sama dengan 50

(% daripada 3,293 jangkitan baharu)

Sumber: HIV/STI Sektor, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia)